

MUNGKINKAH ARAK DIHARAMKAN?

Oleh
Prof. Madya Dr. Khalif Muammar bin A. Harris
Panel Penulis Pakar
Jabatan Agama Islam Selangor

Definisi

Arak adalah minuman yang memabukkan. Daripada perspektif Islam segala barang yang memabukkan hukumnya adalah haram. Ia diharamkan kerana tujuan Shari'ah Islam diturunkan adalah untuk memelihara agama, jiwa, akal, harta dan kehormatan, yang dikenali dengan Maqasid al-Shari'ah. Sewajarnya masyarakat yang mengharamkan dadah juga mengharamkan arak, kerana kedua-duanya memabukkan dan menghilangkan akal manusia. Sebenarnya dadah terdapat pada ubat-ubatan yang terdapat di semua farmasi. Demikian juga alkohol terdapat dalam banyak minuman seperti tuak, tetapi ianya tidak diharamkan kerana kandungan alkohol yang sedikit dan kerananya tidak dianggap sebagai arak. Kesimpulannya semua barang yang memabukkan dan menghilangkan akal fikiran manusia, baik arak mahupun dadah, kedua-duanya memudaratkan dan perlu diharamkan.

Di negara-negara yang berbilang kaum seperti Malaysia, timbul persoalan: apakah arak boleh diharamkan di negara yang majoritinya Muslim tetapi terdapat jumlah yang cukup ramai dari kalangan orang bukan Islam? Apakah pengharaman arak ini tidak bertentangan dengan hak asasi manusia? Bukankah pengharaman ini akan menimbulkan persepsi yang negatif terhadap Islam, membuka pintu bagi musuh-musuh Islam menuduh agama Islam sebagai agama yang tidak toleran dan menindas hak bukan Islam? Apakah orang bukan Islam mempunyai hak untuk minum arak, khususnya di negara yang majoritinya adalah orang Islam? Semua persoalan ini perlu diteliti dan dijawab dengan hikmah dan hujah yang meyakinkan. Di dalam ruang yang terbatas ini penulis hanya ingin menyentuh persoalan-persoalan pokok yang perlu dipertimbangkan sebelum pengharamannya boleh dilakukan.

Apakah arak boleh diharamkan?

Kebelakangan ini semakin banyak kes kematian akibat dilanggar mati oleh peminum yang mabuk. Dalam tempoh lima bulan ini sahaja dicatatkan terdapat 21 kes yang melibatkan pemandu mabuk dan delapan daripadanya telah menyebabkan kematian. Dalam menanggapi hal ini terdapat dua kumpulan yang berlawanan: Pertama golongan berpendapat bahawa arak tidak boleh diharamkan sama sekali oleh kerajaan kerana jika arak diharamkan maka telah berlaku pemaksaan kehendak moral segolongan masyarakat terhadap golongan yang tidak mempercayai nilai moral tersebut.

Siti Kassim pada kenyataan bertarikh 27 Mei 2020 sebagaimana disiarkan oleh Suara.tv mengatakan bahawa masalah yang berlaku sekarang ini bukan disebabkan oleh arak itu sendiri tetapi disebabkan oleh sikap peminum arak yang tidak bertanggungjawab. Maka menurut beliau tindakan hanya boleh dikenakan kepada pemandu yang mabuk dan bukan pada arak. Beliau menganalogikan membandingkan masalah yang berlaku di sekolah tahfiz. Sebagaimana puncanya terletak pada pengurusan sekolah tahfiz, dan bukan pada sekolah tahfiz, maka berkesimpulan bahawa jika arak mahu diharamkan sekolah tahfiz juga perlu diharamkan. Anologi ini amat mengelirukan, kerana beliau telah menyamakan dua perkara yang mempunyai kedudukan yang sangat berbeza. Sekolah tahfiz yang digalakkan oleh agama dengan arak yang diharamkan oleh agama. Terdapat banyak hadith yang menggalakkan umat Islam untuk menghafal dan beramal dengan al-Qur'an serta meletakkan para penghafal al-Qur'an di tempat yang terhormat, sedangkan tiada satu pun ayat ataupun hadith yang menggalakkan manusia untuk meminum arak, justeru terdapat banyak ayat dan hadith yang mengeji dan melarang umat Islam daripada meminumnya disebabkan kemudaratan yang ditimbulkannya. Jadi masalah terletak pada arak dan peminum arak kedua-duanya sekali. Sebagaiman pengharaman dadah bukan kerana masalah pada penagih dadah sahaja tetapi pada dadah itu sendiri. Oleh yang demikian kerajaan mengharamkan penjualan dadah dan bukannya penggunaan dadah yang tidak bertanggungjawab sahaja.

Kita sebagai seorang Muslim percaya kepada hukum dalam al-Qur'an dan al-Sunnah yang menegaskan bahawa arak itu haram (al-Ma'idah: 90). Dan orang Islam yang menafikan bahawa arak itu haram, sedangkan ia tahu bahawa ia diharamkan di dalam al-Qur'an dan al-Sunnah maka ia boleh jatuh kafir kerana telah menolak sesuatu yang dinyatakan secara jelas didalam al-Quran dan al-Sunnah.

Arak itu diharamkan di dalam Islam kerana tiada kebaikan pada arak. Pengambilan arak hanya akan mendatangkan kemudaratan kepada manusia. Bagi orang bukan Islam, pengambilan arak telah menjadi kebiasaan dan sebagai suatu kaedah untuk berseronok dan melupakan masalah. Ia dianggap tidak memudaratkan selagi diminum dengan kuantiti yang sederhana. Namun demikian, negara-negara maju pada umumnya mengambil pendekatan mengawal ketat penjualan dan pengambilan arak dan rakyat patuh pada undang-undang untuk tidak minum jika memandu. Sememangnya berlaku perbezaan pandangan di sini, bahawa orang Islam percaya arak itu memudaratkan manakala orang bukan Islam percaya bahawa arak itu tidak memudaratkan jika diminum secara terkawal dan tidak memandu ketika mabuk. Andaian dan hujah bahawa arak itu baik kerana ia memberi keseronokan dan melupakan masalah sebentar yang juga merupakan suatu keseronokan, tidak boleh dipertahankan. Tidak semua perkara yang memberi keseronokan perlu dibenarkan, khususnya apabila perkara itu jelas memudaratkan diri dan orang lain.

Apakah arak itu hak individu?

Mengikut faham liberalisme Barat, kebebasan individu adalah nilai dan prinsip tertinggi yang tidak boleh dihadkan dan disekat oleh nilai dan prinsip yang lain. Agama pun tidak dibenarkan untuk menghadkan kebebasan individu. Oleh yang demikian di negara-negara Barat arak tidak boleh diharamkan dan ia dianggap sebagai hak individu. Namun kepercayaan kepada nilai-nilai liberalisme ini tidak mutlak dan universal, maka umat Islam dan negara-negara yang tidak menerima sekularisme dan liberalisme tidak terikat dengan kepercayaan ini. Kita juga tidak percaya bahawa nilai-nilai etika itu bersifat subjektif, tiada nilai yang universal dan objektif. Dalam hal arak ini kita dapati tiada agama yang mengatakan bahawa pengambilan arak itu baik, hakikatnya semua agama mengharamkan arak. Hanya etika yang bersandarkan kepada falsafah Barat moden yang menganggap perkara ini subjektif.

Di dalam Islam, arak bukan hak individu sebagaimana dadah bukan hak individu. Kedua-duanya memudaratkan dan menghilangkan akal manusia, serta membuat orang yang mengambilnya merasa ketagihan sehingga menimbulkan lebih banyak masalah. Sesuatu yang menjadi hak manusia mestilah benar. Hak dalam Bahasa Arab bermaksud benar, demikian juga right dalam bahasa Inggeris. Arak tidak boleh menjadi hak kerana ia bukan suatu perkara yang benar dan dibenarkan oleh agama. Hak itu diberikan oleh Tuhan sebagai suatu nikmat yang perlu dijaga, seperti hak isteri dan anak untuk mendapatkan nafkah, hak rakyat untuk mendapatkan keadilan dan kebaikan, semua ini Allah berikan demi menjaga kemaslahatan manusia. Oleh yang demikian manusia tidak boleh menuntut sesuatu yang memudaratkan dirinya dan orang lain.

Apakah Arak boleh diharamkan kepada orang bukan Islam?

Golongan kedua, berlawanan dengan pandangan liberal di atas, yang menuntut agar kerajaan mengharamkan arak secara total termasuk kepada orang bukan Islam. Keadaan ini tentunya menimbulkan bantahan dari kalangan orang bukan Islam yang melihatnya sebagai usaha untuk memaksakan nilai moral yang dipegang oleh orang Islam kepada orang bukan Islam.

Apabila kita menelusuri setiap hujah yang diberikan dan meimbangnya dengan timbangan syara', melihatnya daripada pandangan alam Islam maka kita akan mendapati bahawa jalan yang benar adalah jalan tengah di antara kedua-dua pendekatan ekstrim dalam menangani perkara ini. Maka di sini pentingnya kita melihat persolan ini dengan lebih bijaksana dan adil.

Penulis ingin mengetengahkan perspektif yang lebih menyeluruh dari segi falsafah hukum Islam, dan juga politik dan ketatanegaraan. Sebagaimana kerajaan boleh mengharamkan penggunaan *straw* atau pembuluh plastik kerana penggunaannya dapat memudaratkan alam sekitar, begitu juga kerajaan mengharamkan dadah kerana memudaratkan diri sendiri dan orang lain, maka kerajaan juga boleh

mengharamkan arak atas alasan yang sama. Prinsipnya adalah undang-undang itu digubal untuk untuk memelihara kemaslahatan umum.

Pertama adalah langkah pengawalan. Kerajaan boleh menggubal undang-undang bagi sekurang-kurangnya menghadkan penjualan arak dan mengurangkan risiko terjadinya kemalangan akibat pemandu yang mabuk maka undang-undang tersebut boleh dibuat dan disokong kerana ia baik untuk masyarakat.

Ketika kita sebagai orang Islam yakin akan kemudaran arak dan bahawa pengharamannya adalah perkara yang benar untuk kemaslahatan manusia, kita perlu menghormati orang tidak meyakini hal ini dan kerananya terdapat ruang perbezaan yang perlu diraikan. Namun demikian apabila kerajaan telah membuat keputusan berdasarkan kuasa eksekutifnya maka ia boleh menggubal undang-undang yang mengawal penjualan dan pengambilan arak atas sebab-sebab memelihara kepentingan awam. Dalam hal ini umat Islam tidak memaksakan sesuatu yang tidak diyakini oleh orang bukan Islam, tetapi kerajaan telah bertindak yang mengikut mengikut pertimbangannya dapat melindungi kemaslahatan orang ramai.

Kedua adalah langkah pengharaman. Sebagai pemimpin negara, kerajaan boleh memutuskan bahawa arak itu memudaratkan, namun keputusan ini perlu mendapat sokongan orang ramai dan perlu menjadi suatu kesepakatan awam. Maka langkah yang perlu dilakukan adalah meningkatkan kesedaran masyarakat tentang kemudaran arak. Kesepakatan boleh dicapai melalui referendum sebagaimana yang dibuat di UK dalam isu *Brexit*. Dengan demikian, sekiranya telah diputuskan oleh majoriti rakyat bahawa undang-undang perlu digubal bagi mengharamkan arak sepenuhnya demi menjaga maslahat umum, maka kelompok minoriti perlu akur dengan undang-undang yang digubal.

Bagi orang Islam referendum ini bukan untuk menentukan sama ada arak itu memudaratkan ataupun tidak. Orang Islam semestinya percaya bahawa ia memudaratkan tetapi pelaksanaan yang berkesan menuntut agar ia mendapatkan persetujuan orang ramai kerana Islam bukan agama paksaan. Kesepakatan awam ini juga tidak bermakna bahawa undang-undang Islam tertakluk kepada persetujuan manusia, ia hanyalah suatu proses bagi memperkasakan undang-undang Islam.

Sesuai dengan semangat demokrasi yang sebahagiannya sesuai dengan ajaran Islam. Ia juga sesuai dengan contoh tauladan Baginda Rasulullah SAW ketika peristiwa Hudaibiah dimana baginda tidak memaksa orang kafir Quraisy untuk mengiktiraf baginda sebagai utusan Allah. Demikian juga ketika Rasulullah SAW memerintah Madinah, undang-undang Islam tidak dipaksakan kepada orang Yahudi dan Nasrani melainkan jika mereka yang mahukan undang-undang itu dilaksanakan ke atas mereka. Setiap anggota masyarakat wajib tunduk dan patuh kepada undang-undang negara yang telah disepakati oleh semua pihak sebagaimana perlembagaan Madinah disepakati oleh kaum Muslimin, Yahudi dan Kristian.